

25 AUG 1999

Mahathir-Habibie

INDONESIA SEDIAKAN PEKERJA MAHIR, SEPARUH MAHIR

PUTRAJAYA, 25 Ogos (Bernama) -- Malaysia dan Indonesia hari ini bersetuju untuk membawa pekerja Indonesia yang mahir dan separuh mahir ke sini sebagai tambahan kepada kemasukan pekerja tidak mahir.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kedua-dua negara juga bersetuju supaya kedatangan pekerja-pekerja itu dibuat dengan lebih teratur.

"Di masa hadapan, kita akan berusaha supaya yang datang ke sini bukan sahaja pekerja tidak mahir, malah pekerja separuh mahir dan mahir," katanya pada persidangan berita bersama Presiden Indonesia, B.J. Habibie di akhir perbincangan delegasi kedua-dua negara itu di Jabatan Perdana Menteri, di sini.

Malaysia dilaporkan mempunyai hampir sejuta pekerja Indonesia, kebanyakannya pekerja tidak mahir.

Masalah pekerja asing merupakan satu daripada topik yang dibincangkan sempena lawatan kerja sehari Habibie ke Malaysia. Lawatan kerja itu bertujuan meningkatkan hubungan dan kerjasama dua hala.

Dr Mahathir berkata Malaysia dan Indonesia bersetuju untuk bekerjasama dalam pelbagai isu.

Kerjasama itu termasuk usaha mengatasi masalah jerebu yang melanda kedua-dua negara.

Habibie mengetuai rombongan 80 orang termasuk beberapa menteri kabinet dan pegawai kanan kerajaan.

Ini adalah lawatan kedua Habibie ke Malaysia sejak dilantik sebagai Presiden Indonesia.

Pertemuan hari ini adalah susulan kepada mesyuarat yang diadakan di Batam pada Mei lepas.

Habibie pula berkata Indonesia berhasrat untuk meningkatkan kerjasama dalam segala bidang dengan Malaysia termasuk kebudayaan, ekonomi dan teknologi.

Beliau berkata pertemuan hari ini sangat berkesan dan berlangsung dengan baik.

"Malaysia dan Indonesia mempunyai banyak persamaan, dan kita telah berbincang mengenai isu-isu dua hala dan pelbagai hala dalam Asean dan juga APEC," katanya.

-- BERNAMA

AFY MAI